



**MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 1**

Tuesday 3 May 2005 (morning)  
Mardi 3 mai 2005 (matin)  
Martes 3 de mayo de 2005 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

---

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1. (a)

Mata sepet Shang memerhatikan beberapa meja yang dipenuhi pinggan dan cawan kotor yang ditinggalkan pelanggan. Empat piring masih berisi lebih separuh nasi lemak. Air liur Shang mendesak-desak mahu keluar, namun Shang menelannya kembali beberapa kali.

5 Berdasarkan pengalaman semalam iaitu ketika Shang memungut sisa makanan di atas meja gerai Ah Lek, tauke gerai menghambat Shang dengan penyapu sambil menyumpah seranah. Shang tidak berani mengambil makanan saki-baki pelanggan di atas meja.

10 Dengan lembut mendamba simpati, Shang meminta izin daripada tuan kedai untuk mengambilnya dengan balasan dia akan membantu mengemas dan membasuh cawan dan pinggan kotor yang berselerak di atas tiga buah meja. Namun akhirnya, bukan setakat tiga meja itu sahaja yang Shang kemaskan, sebaliknya - atas kerelaan Shang sendiri - hampir semua meja dibersihkannya.

15 Encik Mahir memandang Shang ke atas ke bawah. Dia sebenarnya mengenali Shang. Dalam akhbar *Harian Nusa* yang dibacanya tadi dia melihat gambar Shang dan adiknya Shing disiarkan. Dua beradik yang malang itu dalam pengembaraan dari Jalan Burmah Pulau Pinang bagi mencari ibu kesayangan.

Tugas membasuh dan mengesat pinggan mangkuk selesai. Shang meminta izin untuk membawa pulang saki-baki nasi lemak yang dikumpulkan di dalam beg plastik. Encik Mahir menahan.

20 “Jangan,” ujar Encik Mahir sambil merampas beg plastik yang hampir penuh itu daripada tangan Shang. Shang tersentak. Encik Mahir memandang wajah Shang dengan renungan yang dalam. Shang resah. Dia ternampak-nampak cara ayahnya memegang lengan ibunya ketika mereka berkelahi. Bagi menunjukkan kuasa dan kekuatan seorang lelaki yang menjadi pemimpin rumah tangga, pertelagahan yang berpunca daripada perkara kecil - iaitu ibu Shang terlewat sedikit menyiapkan sarapan - berakhir dengan jatuhnya penampar ganas ayah ke muka ibu.

25 Shang juga sering melihat ayah mencekal lengan ibu dengan tangan kiri sementara tangan kanannya memukul badan ibu di mana sempat dan di mana dapat dengan tali pinggang kulit. Waktu itu pada wajah Encik Mahir, Shang ternampak wajah bengis dan kejam ayahnya. Shang takut. Dia mulai membuka langkah untuk meninggalkan kedai tersebut sebelum sesuatu yang buruk berlaku. Tetapi langkah Shang tersekat. Encik Mahir mencekak lengannya dengan kukuh dan kejap sekali.

30 “Nah!” Sekeping duit kertas berwarna hijau dijolokkan ke dalam genggam tangan Shang. Shang terkesima. Dia menengadah ke muka Encik Mahir. Wajah ayahnya tiada. Yang ada hanya wajah Encik Mahir tersenyum sambil melepas Shang.

35 “Ini nasi lemak. Bagi adik engkau makan sebungkus. Dan air, engkau hendak minum air apa?”

Shang melihat dua bungkus nasi lemak terletak kemas di dalam beg plastik berwarna merah. Sekali lagi dia terkesima. “Hendak air apa?” tanya Encik Mahir dengan suara mengejutkan Shang yang serasa tidak percaya dengan sesuatu yang sedang berlaku.

40 “Milo, dua.” Pantas Shang menjawab sambil matanya masih memandang pada baki nasi lemak pelanggan yang dikumpulkannya di dalam beg plastik yang diletakkan oleh Encik Mahir di atas meja bayaran.

“Nasi baki itu sesuai untuk ayam dan itik saja. Bukan untuk manusia,” ujar Encik Mahir sambil memberi isyarat kepada pembancuh air minuman yang sedang menyuakan dua bungkus besar air milo kepada Encik Mahir, ke tangan Shang.

45 Shang tunduk memberi hormat, seperti yang sering dilakukannya di sekolah, ketika memberi hormat kepada guru yang masuk atau keluar kelas. Encik Mahir sekali lagi mengusap kepala Shang. “Kalau anak lelaki aku masih hidup, tentu dia sekarang sudah sebesar dan seberani serta sebijak engkau,” ujar Encik Mahir perlahan. Kata-kata yang penuh makna buat Encik Mahir tidak meninggalkan sebarang kesan kepada Shang.

Dipetik daripada Zaharah Nawawi, *Wangian Bukit Peranginan, Sayembara X*, 1999

1. (b)

**Tinggalkan Dirimu Datanglah Pada-Nya**

Bisakah kau  
melepaskan kecongkakan diri  
melempar kemuliaan tanpa batas  
melontar martabat menteri  
5 dan tidur di beton tanpa alas hangat  
ditemani jeriji berduri.

Semata kerana kau  
berani menyatakan diri  
kewujudan yang mukhlis  
10 antara sahabat sejati  
yang bermukah dengan niat  
tiada batas tabik kecuali.

Begitupun kau  
dihujani nista bicara diri  
15 ditelanjangi budi di atas negeri  
dinafikan segala hak asasi  
tapi hati budi tetap teguh berdiri  
menjunjung sinar kebenaran-Nya sendiri.

Dalam diri yang teguh dengan janji-Nya  
20 mengubati perih ngilu  
bermalam berhari menderita sendiri  
tidak tersengatkah pundi hatimu  
yang menginjak-injak kebenaran-Nya  
menolak segala biji mata ke tepi.

25 Tekadnya sudah tinggal satu saja  
Menanggalkan baju dirinya  
Bermunajat setiap detik yang tersisa  
Tiada erti lagi keadilan manusia  
Yang terus memegang teguh kuasa  
30 Melainkan janji-Nya yang pasti ada!

Suratman Markasan, *Dewan Sastera*, April 2004